

09/12/1998

Dewan selar ketua IMF

DEWAN Negara semalam menyelar Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus, berikutan kegagalan institusi itu membantu mengatasi masalah ekonomi negara Asia.

Berucap dalam perbahasan usul membuat ketetapan supaya Camdessus meletakkan jawatan, mereka turut membidas IMF kerana menjadi alat kuasa besar untuk mencampuri hal ehwal dalaman negara lain dan mahu ia distruktur semula.

Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman, ketika mengemukakan usul itu berkata, IMF gagal dalam tanggungjawab membantu memulihkan ekonomi negara Asia serta gagal melindungi ekonomi dunia daripada tekanan spekulator mata wang.

Menurutnya, IMF adalah sebahagian daripada masalah yang dihadapi sistem kewangan dunia dan kini menjadi alat kepada Amerika Syarikat untuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain.

"Camdessus mengekalkan kuasanya untuk membolehkan beliau mencampuri hal ehwal dalaman negara yang menghadapi masalah kewangan," katanya.

Abdul Aziz berkata, masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang bukan kerana asas ekonomi yang lemah tetapi disebabkan unsur luar seperti serangan pedagang mata wang yang turut mengakibatkan krisis ekonomi di rantau ini.

Menurutnya, keadaan diburukkan lagi dengan kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, menyokong gerakan reformasi yang seolah-olah cuba menjatuhkan kerajaan yang dilantik secara demokrasi.

Malahan, katanya, perdagangan mata wang George Soros turut mencadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, digulingkan manakala bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dibebaskan.

(END)